


# REFSA BRIEF

Issue 5      20 May 2020

## Reformasi Parlimen

Tinjauan Tiga Tahun Penubuhan  
Kamar Khas di Parlimen Malaysia



## Pengenalan Kamar Khas

Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Rakyat Parliment ke-13, bagi penggal ke-4, yang bermesyuarat pada 28 Oktober 2015 telah meluluskan tiga daripada empat cadangan Agenda Transformasi Parliment yang diterajui oleh Tan Sri Pandika Amin Mulia, Yang Dipertua Dewan Rakyat (YPDR) ke-8. Salah satu daripada cadangan tersebut adalah mewujudkan Kamar Khas<sup>1</sup>. Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat (PM) 14A menyatakan aturan mesyuarat Kamar Khas perlulah mengikut ketetapan YPDR dan PM16 pula menjelaskan penubuhan serta perjalanan Kamar Khas secara terperinci.

PM17 menggariskan setiap ucapan atau usul berkaitan perkara urus tadbir di bawah kerajaan Persekutuan yang akan dibawa ke Kamar Khas. PM 18 membenarkan Kamar Khas membahaskan satu usul berkepentingan untuk orang ramai.<sup>2</sup> Sebelum wujudnya Kamar Khas, usul di bawah PM17 akan dibahaskan di dalam Dewan Sidang pada jam 5.30 petang dengan YPDR menangguhkan Aturan Mesyuarat. Bagi usul dibawah PM18, Ahli Parliment boleh membahaskannya pada jam 4.30 petang hingga 5.30 petang (1 jam).<sup>3</sup>

Perjalanan ini telah memberi satu masalah kepada Dewan Rakyat kerana terpaksa menangguhkan Aturan Mesyuarat yang penting untuk memberi laluan membahaskan usul PM17 dan PM18.<sup>4</sup> Penubuhan Kamar Khas boleh dilihat sebagai Dewan Perbahasan Sekata (*Parallel Debating Chamber*) di Dewan Rakyat. Kamar Khas membuka ruang dan membenarkan Ahli Parliment membawa usul selain perbahasan tentang sesuatu perkara di Parliment Malaysia berdasarkan PM17 dan PM18.

*Parallel Debating Chamber* bermaksud sebuah Badan atau Dewan yang merupakan sebahagian daripada Dewan Utama yang memberi ruang perbahasan antara Ahli Parliment dan urusan aturan mesyuarat yang lain. Lokasi *Parallel Debating Chamber* berlaku berasingan daripada Dewan Sidang, tetapi PM dan aturan mesyuarat masih berlangsung berdasarkan Dewan Sidang.<sup>5</sup> Ianya juga boleh dipanggil sebagai Dewan Kedua atau Dewan Alternatif. Seterusnya di Australia, *Parallel Chamber* dipanggil sebagai *The Federation Chamber* yang ditubuhkan pada tahun 1994, manakala Parliment United Kingdom dipanggil *Westminster Hall*, yang ditubuhkan pada tahun 1998. Seterusnya, Kamar Khas Dewan Rakyat di Malaysia telah ditubuhkan pada 16 Mei 2016.

---

1 Dewan Rakyat Malaysia (DRM). 2016. Bil. 1/2016 Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Dewan, DRM. Parliment Ketiga Belas, Penggal Keempat.

2 Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat (PDMR). 2018. Parliment Malaysia, Kuala Lumpur.

3 DRM. 2016. Lampiran-lampiran A hingga I Pindaan Kepada PDMR, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Parliment Ketiga Belas, Penggal Keempat.

4 PDMR. 2018. Parliment Malaysia, Kuala Lumpur.

5 House of Commons, Standing Committee on Procedure and House Affairs, Minutes of Proceedings, 42<sup>nd</sup> Parliament, 1<sup>st</sup> Session, 7 November 2019.

Kini, Kamar Khas di Dewan Rakyat telah menjangkau tahun yang keempat, selain penelitian terhadap perkembangan institusi ini amat penting dalam mengangkat fungsi Parlimen Malaysia yang lebih demokratik dan berkesan dalam membawa isu masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan melihat perbezaan praktis antara Kamar Khas dengan Federation Chamber di Australia dalam memberi perspektif jelas tentang peranan *Second Chamber*. Kemudian, tinjauan tentang perkembangan Kamar Khas dari tahun 2016 hingga 2019 akan dibuat dalam kajian ini, selain mengenalpasti cabaran dan cadangan untuk menambah baik peranan Kamar Khas pada masa akan datang.

### **Federation Chamber dan Kamar Khas**

Model Kamar Khas di Dewan Rakyat boleh dibandingkan dengan *Federation Chamber* di Australia. Laporan Standing Committee Procedure ke-37 pada Oktober 1993 telah bersetuju mewujudkan *Federation Chamber* bagi memberi ruang kepada Ahli Parlimen membahaskan isu-isu di kawasan parlimen, selain membincangkan laporan jawatankuasa serta menyemak undang-undang kerajaan<sup>6</sup>.

Tujuan penubuhan *Federation Chamber* adalah untuk menguruskan urusan harian Dewan Utama yang kian membebankan. Dewan Perwakilan Australia pernah bersidang selama 25 jam hanya untuk meluluskan undang-undang pada tahun 1992.<sup>7</sup> Prosedur Parlimen yang mendahuluikan urusan kerajaan seperti pembentangan RUU baharu pada saat akhir juga merupakan satu cabaran kepada Ahli Parlimen Australia kerana mereka tidak mempunyai masa untuk menyediakan analisis yang terperinci.<sup>8</sup>

Kesan penubuhan *Federation Chamber* ini amat ketara apabila RUU kerajaan diluluskan di parlimen telah menurun daripada 132 RUU pada tahun 1993 kepada 14 RUU pada tahun 1994. Peranan *Federation Chamber* diperluaskan pada tahun 1995 dengan membenarkan perbahasan laporan Jawatankuasa Pilihan Khas (*Select Committee*). Pada tahun 1997, fungsi *Federation Chamber* sekali lagi diperluaskan dengan memasukkan *90-second statements* dalam *Federation Chamber* serta isu-isu pentadbiran melibatkan kawasan parlimen.

Struktur *Federation Chamber* mengalami evolusi yang lebih efektif dalam memberi ruang perbahasan untuk Ahli Parlimen (Jadual 1) berbanding Kamar Khas yang bersidang pada setiap hari, bermula pada jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Jika dibandingkan dengan *Federation Chamber*, struktur dan PM untuk Kamar Khas telah menghadkan badan ini untuk memperluaskan fungsinya kerana kekangan dan limitasi kuasa yang diberikan.

---

6 Standing Committee on Procedure (37<sup>th</sup> Parliament), About time: Bills, question and working hours, October 1993.

7 Standing Committee on Procedure (37<sup>th</sup> Parliament), About time: Bills, question and working hours, October 1993.

8 Guillotine Procedure: "Apabila Kerajaan mendapat sokongan majoriti Senate, Guillotines digunakan untuk menghadkan atau memanjangkan waktu parbahasan untuk Rang Undang-Undang (RUU). Pendekatan ini digunakan kerajaan pada saat-saat akhir persidangan yang menyukarkan penelitian RUU dibuat kerana waktu yang terhad".

Jadual 1 Perbandingan Urusan Harian Kamar Khas (Malaysia) dan Federation Chamber (Australia)

Hari	Urusan	
	Kamar Khas (PM16, 17, 18)	Federation Chamber (Standing Order 192)
Isnin	2.30 petang - 4.30 petang Dua usul PM17 dan satu usul PM18	10.30 pagi - 11.00 pagi: 3 minit Penyata Kawasan  11.00 pagi - 1.30 petang: Jawatankuasa & urusan diperuntukkan dan usul persendirian  4.00 petang - 4.45 petang: Kenyataan 90 minit  4.45 petang - 7.30 petang: Jawatankuasa & urusan deligasi dan usul persendirian
Selasa		4.00 petang - 4.30 petang: 3 minit Penyata Kawasan  4.30 petang - 6.30 petang: Urusan Kerajaan atau Jawatankuasa & urusan diperuntukkan  6.30 petang - 7.30 petang: Grievance Debate
Rabu		10.00 pagi - 10.30 pagi: 3 minit Penyata Kawasan  10.00 - 1.00 petang: Urusan Kerajaan atau Jawatankuasa & urusan diperuntukkan  4.00 petang - 7.00 petang: Urusan Kerajaan atau Jawatankuasa & urusan diperuntukkan
Khamis		10.00 pagi - 10.30 pagi: 3 minit Penyata Kawasan  10.30 pagi - 12.30 tengahari: Urusan Kerajaan atau Jawatankuasa & urusan diperuntukkan  12.30 tengahari - 1.00 petang: Ucapan Penangguhan


Sumber: *Federation Chamber Order of Business, House of Representatives, Parliament of Australia* dan *Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Parliment Malaysia*

Impak penubuhan Kamar Khas dalam urusan harian Parliment Malaysia juga masih kabur berbanding perubahan *Federation Chamber*. Hal ini menunjukkan pembaharuan bagi memperluaskan fungsi Kamar Khas adalah begitu penting untuk dianalisa dalam memastikan Parliment dapat menguruskan aturannya dengan keadaan semasa yang begitu mencabar di Parliment.

## 2016 – 2019: Trend Semasa Kamar Khas di Dewan Rakyat

Secara keseluruhannya, hampir 360 usul telah dibahaskan dari tahun 2016 hingga 2019. Terdapat 120 usul Kamar Khas dibahaskan pada tahun 2019, ianya merupakan antara tahun yang tertinggi usul dibahaskan berbanding tahun 2017 sebanyak 100 usul (Rajah 1). Sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), sebanyak 179 usul Kamar Khas telah dibahaskan. Selepas pembentukan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 9 Mei 2018, Kamar Khas telah membahaskan hampir 207 usul. Hal ni menunjukkan peranan Kamar Khas telah dimanfaatkan dengan baik oleh Ahli Parlimen selepas pertukaran Kerajaan berlaku.

Rajah 1 Jumlah Keseluruhan Usul Kamar Khas Dari Tahun 2016 Hingga 2019



Sumber: Parlimen Malaysia

Pada tahun 2017, sebanyak 100 usul Kamar Khas telah dibahaskan dengan tempoh persidangan selama 65 hari. Jika bandingkan tahun 2019, sebanyak 120 usul Kamar Khas telah dibahaskan dalam tempoh 68 hari persidangan Dewan Rakyat. Penambahan hari bersidang memberi faktor penting dalam jumlah usul di Kamar Khas. Pada masa yang sama, Reformasi Parlimen yang ditekankan oleh kerajaan baharu membuktikan fungsi Parlimen seperti Kamar Khas dapat diperkasakan, selain adanya ruang untuk Ahli Parlimen membahaskan isu rakyat dengan lebih terbuka.

## **Usul Berkepentingan Orang Ramai PM18 (1) Tidak Aktif**

Usul PM17 iaitu merupakan usul berkenaan urus tadbir di bawah tanggungan kerajaan Persekutuan yang paling banyak dibawa dalam Kamar Khas. Sejak tahun 2016 hingga 2019, hanya 5 usul berkepentingan orang ramai dibawah PM18 (1) yang dibahaskan, iaitu sekitar 1.3 peratus daripada 386 usul yang dibawa oleh Ahli Parlimen. Namun, ianya bukan disebabkan oleh kurangnya minat dalam kalangan Ahli Parlimen. Sebaliknya, usul PM18 (1) telah banyak dihantar oleh anggota Ahli Parlimen untuk dibahaskan, namun tiada rekod yang lengkap untuk melihat dan meniliti fakta tersebut.

Usul PM18 (1) kerap ditolak oleh YPDR di dalam kamar kerana tidak mematuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Peraturan Mesyuarat. Namun, peraturan yang ketat berkenaan kriteria usul 18 (7) (a) dan (b) memberi halangan kepada Ahli Parlimen untuk membawa isu berkepentingan rakyat. Peraturan ini juga akan menolak apa-apa usul 18 (1) tentang sesuatu perkara yang telah dijelaskan atau diambil tindakan oleh kerajaan. Justeru, klausa PM18 ini telah memberi kelebihan kepada pihak Eksekutif dalam membahaskan sesuatu usul.

Pada tahun 2017, terdapat isu berbangkit apabila YPDR menolak kedua-dua usul di bawah PM18. Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago menghantar usul berdasarkan PM18 tentang hak Orang Asli serentak dengan Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Kamarul Bahrin tentang isu hak asasi etnik Rohingya di Myanmar. YPDR menggunakan PM23 (1)(k), "*Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh mengandungi apa-apa sebutan kurang adab berkenaan dengan sesebuah negeri asing yang baik perhubungannya dengan Malaysia*"<sup>9</sup>. Keputusan ini jelas memperlihatkan Parlimen Malaysia masih mempunyai sekatan dalam membahaskan isu-isu di peringkat antarabangsa dan serantau.

YPDR telah mendahulukan usul PM18 daripada Ahli Parlimen Klang, namun YPDR juga menolak usul tersebut kerana masalah teknikal tanpa penjelasan lanjut. Kelemahan PM18 sehingga menimbulkan kritikan daripada Ahli Parlimen atas keputusan YPDR dalam meluluskan usul PM18.

---

9 DRM. 2016. Perbahasan Usul-usul Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Bil.53 24(11): 38 - 40. Parlimen Ketiga Belas Penggal Keempat.

Penolakan PM18 juga dilihat telah disalahgunakan oleh pihak Eksekutif untuk mengelakkan perbahasan usul berkepentingan awam yang boleh menjelaskan imej mereka. YPDR telah menolak usul PM18 (1) daripada Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng untuk membahaskan usul mengenai hutang 1 *Malaysia Development Berhad* (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) pada tahun 2017, dengan menggunakan PM18 (7)<sup>10</sup> tanpa penerangan lanjut.<sup>11</sup> Usul dibawah PM 18(1) berkenaan ‘Pengklasifikasi Laporan Ketua Audit Negara berkenaan 1MDB dibawah Akta Rahsia Rasmi 1972’ yang dikemukakan oleh Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada 24 Mei 2016, ditolak YPDR menggunakan peruntukan PM18 (7)(c).

Selepas pembukaan Sidang Parlimen ke-14, penolakan usul PM18 (1) oleh YPDR masih digunakan dalam beberapa isu yang melibatkan kritikan kepada urus tadbir kerajaan. YPDR, Tan Sri Mohamad Ariff telah menolak usul PM18 (1) Ahli Parlimen Port Dickson untuk membahaskan tentang keresahan orang awam mengenai keputusan retifikasi International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Descrimination (ICERD) oleh kerajaan PH.<sup>12</sup>

Seterusnya, dalam usul PM18 (1) yang dibawa Ahli Parlimen Lembah Pantai bagi membahaskan isu percadangan kuil Sri Maha Marimman juga ditolak YPDR pada November 2018 dengan hujah siasatan terhadap kes tersebut masih lagi berlangsung.<sup>13</sup> Begitu juga penolakan perbahasan usul PM18 (1) tentang pengharaman komik “Inisiatif Jalur dan Jalan – Meraih Manfaat Bersama” yang dibawa oleh pihak pembangkang Barisan Nasional.

---

10 PM 18 (7) membenarkan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak Usul dalam Kamar sekiranya (a) Pancadang mengambil peluang untuk berucap dalam Majlis Mesyuarat, (b) Isu tersebut telah diberikan penerangan oleh pihak Kerajaan, dan (c) Sekiranya usul melanggar peraturan Mesyuarat.

11 Free Malaysia Today. 2017, Ogos 3. “Ahli Parlimen DAP diarah keluar Dewan selepas usul 1MDB ditolak”. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/03/ahli-parlimen-dap-diarah-keluar-dewan-selepas-usul-1mdb-ditolak/>.

12 DRM. 2018. Rang Undang-Undang dibawa ke dalam Mesyuarat. Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Bil.48 6(12): 27 - 43. Parlimen Keempat Belas Penggal Pertama

13 Berita Harian Online. 2018, November 29. “Usul bahas isu rusuhan kuil ditolak”. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/11/503389/usul-bahas-isu-rusuhan-kuil-ditolak>.

## **Isu Tertinggi Dibahaskan Dalam Kamar Khas Pada Tahun 2016 Sehingga 2018 (Sebelum PRU14)**


Sejak tahun 2016 hingga 2018 (sebelum PRU14), terdapat lima Kementerian yang tertinggi dalam menjawab usul dalam Kamar Khas berbanding 30 Kementerian yang sedia ada di bawah pemerintahan Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan Kementerian yang tertinggi dalam menjawab usul bagi tempoh 2016 hingga 2018, iaitu sebanyak 26 usul, Manakala Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebanyak 17 usul, Kementerian Sumber Asli dan Alam sebanyak 13 usul, Kementerian Kerja Raya (KKR) 18 usul dan Kementerian Kesihatan Malaysia sebanyak 15 usul (Rajah 2).

Ahli Parlimen kebanyakannya membawa usul berkenaan isu infrastruktur, pentadbiran dan perkhidmatan untuk dibangkitkan kepada Menteri di dalam Parlimen. Rajah 3 menunjukkan pertanyaan mengenai pembangunan infrastruktur antara yang tertinggi dalam kelima-lima Kementerian ini. KKR menerima 11 usul berkenaan infrastruktur yang majoritinya melibatkan penambahbaikan jalan raya dan bangunan. KPM pula menjawab 8 usul berkenaan infrastruktur tentang projek pembangunan dan peruntukan sekolah.

Peruntukan infrastruktur ini menjadi topik utama wakil rakyat Pembangkang dalam Kamar Khas kerana kesukaran mereka untuk mendapat informasi di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Peruntukan yang dinafikan memerlukan usaha wakil rakyat untuk membawa isu ini di Kamar Khas bagi mendapatkan jawapan agar rakyat di kawasan Parlimen dapat memperolehi maklumat yang tepat.


Masalah pentadbiran dan perkhidmatan di bawah kuasa Kementerian Persekutuan juga akan dibawa ke Kamar Khas bagi mendapatkan penjelasan dan informasi terkini daripada Menteri. Misalnya, masalah perkhidmatan klinik atau hospital kerajaan di kawasan parlimen. Topik ini penting bagi wakil rakyat untuk memastikan kerajaan menambah baik perkhidmatan kesihatan bagi memudahkan urusan dengan rakyat di kawasan Parlimen masing-masing.

Rajah 2 Lima Kementerian Paling Tinggi Menjawab Usul Kamar Khas Pada Tahun 2016 Hingga 2018 (Sebelum PRU14)



Sumber: Parlimen Malaysia

Rajah 3 Jumlah Usul Kamar Khas Berdasarkan Lima Kementerian Tertinggi Berdasarkan Isu Pada Tahun 2016 - 2018 (Sebelum PRU14)



Sumber: Parlimen Malaysia


### **Kamar Khas: Selepas PRU14 Hingga Tahun 2019**

Selepas PRU14, terdapat empat Kementerian yang masih kekal menjawab usul tertinggi dalam Kamar Khas iaitu KPM, KDN, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan KKR. Berdasarkan Rajah 4, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merupakan Kementerian yang menjawab usul yang tertinggi di Kamar Khas dengan 28 usul, disusuli KDN (27 usul), KKR (24 usul), KPM (23 usul) dan KATS (16 usul).

Hal ini menunjukkan isu-isu yang berkait dengan KPKT seperti perumahan dan keselamatan perumahan menjadi fokus utama wakil rakyat untuk sesi Parlimen ke-14. Usul tentang infrastruktur paling banyak diterima KPKT dalam persidangan kali ini, iaitu sebanyak 11 usul, diikuti perumahan (7 usul) dan pengurusan sisa pepejal (3 usul).


Usul tentang pembangunan infrastruktur masih lagi menjadi usul tertinggi di Kamar Khas merentasi Kementerian. KKR mendapat 21 usul tentang pembangunan infrastruktur, diikuti KPCT (11 usul) dan KPM (8 usul). Manakala, usul berkenaan isu pentadbiran paling banyak dijawab oleh KPM (11 usul) berkenaan tentang dasar KPM dan kokurikulum (Rajah 5). KDN juga banyak menerima usul berkenaan isu hak kewarganegaraan dan *stateless children* sebelum dan selepas PRU14. Ini membuktikan bahawa isu tersebut masih lagi menjadi agenda utama kebanyakan wakil rakyat dalam memastikan keadilan dan hak masyarakat dapat dipertahankan.

Rajah 4 Lima Kementerian Tertinggi Menjawab Usul Kamar Khas Pada 2018



Sumber: Parliment Malaysia

Rajah 5


Jumlah Usul Kamar Khas Berdasarkan Lima Kementerian Tertinggi  
Berdasarkan Isu Pada Tahun 2018 (Selepas PRU 14) Hingga 2019

Sumber: Parlimen Malaysia

## Penglibatan Ahli Parlimen dalam Kamar Khas

Penting untuk melihat penglibatan Ahli Parlimen di Kamar Khas bagi mengukur keberkesanannya dalam membawa isu-isu yang melibatkan rakyat, khususnya melibatkan kawasan parlimen. Secara keseluruhan, Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) merupakan kumpulan paling aktif membawa usul Kamar Khas berbanding Barisan Nasional (BN). Pada tahun 2017, Ahli Parlimen PH membawa sebanyak 78 usul jika dibandingkan dengan BN sebanyak 18 usul. Trend ini diteruskan lagi pada tahun 2019 apabila jumlah usul Kamar Khas dibawa PH lebih tinggi, iaitu 78 usul berbanding BN sebanyak 43 usul, manakala PAS hanya membawa 1 usul (Rajah 6).

Rajah 6 Jumlah Usul Kamar Khas Mengikut Gabungan Parti di Dewan Rakyat (PH, BN dan PAS) Dari Tahun 2016 Hingga 2019



Sumber: Parlimen Malaysia


Hal tersebut menunjukkan penglibatan positif anggota Ahli Parlimen dalam Kamar Khas, khususnya buat pihak pembangkang BN selepas Sidang Parlimen penggal ke-14 dibuka. Penyertaan Ahli Parlimen PH masih konsisten sebelum atau selepas Parlimen penggal ke-14 di dalam Kamar Khas. Manakala, Ahli Parlimen PAS hanya membawa satu usul di kamar khas sejak dari tahun 2016 hingga 2019.

Penglibatan ahli parlimen mengikut parti di Kamar Khas menunjukkan perkembangan yang amat positif. Parti Tindakan Demokratik (DAP) merupakan parti yang paling aktif dalam membawa usul ke Kamar Khas. Walau bagaimanapun, penglibatan Ahli Parlimen DAP membawa usul Kamar Khas menunjukkan trend penurunan pada tahun 2019. Manakala, Ahli Parlimen Keadilan menunjukkan trend peningkatan dalam membawa usul Kamar Khas, iaitu peningkatan daripada 10 usul pada tahun 2016 kepada 41 usul pada tahun 2019 (Rajah 7).

Namun, Ahli Parliment Amanah, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), dan Gabungan Parti Sarawak (GPS) menunjukkan penyertaan yang kurang aktif selain tidak membawa sebarang usul di dalam Kamar Khas pada sidang Parliment ke-14.

Manakala, BN telah menunjukkan jumlah peningkatan dalam membawa usul di Kamar Khas, iaitu empat usul pada tahun 2016 meningkat kepada 43 usul pada tahun 2019. Peningkatan ini berlaku kerana sebahagian kecil Ahli Parliment BN yang aktif dalam mengemukakan lebih daripada dua usul kepada Kamar Khas pada sidang Dewan Rakyat (Jadual 2 dan 3).

Rajah 7 Jumlah Usul Kamar Khas Mengikut Parti Dari Tahun 2016 Hingga 2019



Sumber: Parliment Malaysia

**Jadual 2 Jumlah Ahli Parlimen Yang Membawa Dua Usul Ke Atas Di Kamar Khas Pada Tahun 2018 (Selepas PRU14)**

Bil	Nama	Parti	Jumlah Usul
1	YB Datuk Seri Dr. Edmund R. Santhara Kumar (Segamat)	PKR - PH	7
2	YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)	UMNO - BN	6
3	YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	PKR - PH	6
4	YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	DAP - PH	5
5	YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	MCA - BN	4
6	YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	DAP - PH	4
7	YB Datuk Halimah Binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)	UMNO - BN	3
8	YB Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)	DAP - PH	3
9	YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar (Permatang Pauh)	PKR - PH	3
10	YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	DAP - PH	3
11	YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	DAP - PH	2
12	YB Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)	DAP - PH	2
13	YB Tuan Ahmad Bin Hassan (Papar)	WARISAN - PH	2
14	YB Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)	DAP - PH	2
15	YB Tuan Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)	UMNO - BN	2

*Sumber: Parlimen Malaysia*

**Jadual 3 Jumlah Ahli Parlimen Yang Membawa Dua Usul Ke Atas Di Kamar Khas Pada Tahun 2019**

Bil	Nama	Parti	Jumlah Usul
1	YB Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad (Parit Sulong)	UMNO - BN	14
2	YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	MCA - BN	14
3	YB Tuan Mohd Shahar Bin Abdullah (Paya Besar)	UMNO - BN	12
4	YB Datuk Seri Dr. Edmund R. Santhara Kumar (Segamat)	PKR - PH	10
5	YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	PKR - PH	9
6	YB Tuan Cha Kee Chin (Rasah)	DAP - PH	7
7	YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	DAP - PH	7
8	YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	DAP - PH	6
9	YB Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)	DAP - PH	3
10	YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	PKR - PH	3
11	YB Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)	PKR - PH	2

*Sumber: Parlimen Malaysia*

## Cabaran dan Pembaharuan Kamar Khas

### Cabaran Kamar Khas

#### *Limitasi Fungsi Kamar Khas*

Limitasi peruntukan fungsi kepada Kamar Khas menyebabkan badan ini tidak banyak memberi keberkesanan kepada Ahli Parlimen dalam membahaskan sesuatu isu. Perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Kluang, Liew Chin Tong agar YPDR tidak menolak mana-mana usul, khususnya dibawah PM18 bagi menggalakkan anggota Ahli Parlimen untuk membawa usul dan berbahas di Kamar Khas.<sup>14</sup>

Bekas Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ronald Kiandee turut membangkitkan persoalan tentang Kamar Khas yang tidak berkesan untuk wakil rakyat apabila ianya tidak membenarkan Ahli Parlimen bertanya soalan kepada Menteri bagi mendapat keterangan lanjut:

*"Akan tetapi, Kamar Khas yang ada pada kita sekarang ini bukanlah Kamar Khas yang kondusif bagi perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 kerana di bawah Peraturan Mesyuarat 18, perkara-perkara yang disetujukan ditangguhkan atas tiga sebab iaitu perkara tertentu, perlu disegerakan dan juga perkara kepentingan awam, perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 ini mengizinkan interjections, pencelahan oleh Ahli-ahli. Akan tetapi, Kamar Khas yang kita ada sekarang ini tidak kondusif untuk beberapa Ahli duduk dan membuat interjections".*

Perkara ini menunjukkan peranan Kamar Khas adalah masih terhad kepada perbahasan satu hala mengikut peraturan PM17, selain menghalang kebebasan Ahli Parlimen untuk bertanyakan soalan tambahan selain meminta penjelasan daripada pihak Eksekutif. Usul PM18 pula memberi peraturan yang begitu sukar untuk diterima oleh YPDR sehingga ianya jarang untuk dibahaskan.

#### *Keberkesanan Kamar Khas Tidak Jelas*

Meskipun keberkesanan Kamar Khas dalam membantu tugas Ahli Parlimen masih kurang jelas, tetapi ianya akan menjadi sebahagian bukti dan rekod kepada masyarakat di kawasan Ahli Parlimen tersebut bahawa isu berkepentingan rakyat telah dibawa Ahli Parlimen di Kamar Khas dan Dewan Rakyat.<sup>15</sup>

Walaupun fungsi Kamar Khas membuka ruang kepada Ahli Parlimen untuk membawa isu kawasan, tetapi keberkesanannya dalam menyelesaikan masalah masih lagi menjadi persoalan. Perkara ini dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan, Lee Hoy Sian dalam mengusulkan isu di dalam Kamar Khas, namun masih tidak selesai di peringkat kerajaan.<sup>16</sup>

14 DRM. 2016. Perbahasan Usul-Usul Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Bil.53 24(11): 41 - 49. Parlimen Ketiga Belas Penggal Keempat.

15 DRM. 2018. Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (YDPA). Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Bil. 3 18(7): 25 -123. Parlimen Keempat Belas Penggal Pertama.

16 DRM. 2017. Usul Menjunjung Kasih Titah YDPA. Bil.8 16(3): 24 - 67. Parlimen Ketiga Belas Penggal Kelima.

*"Akan tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, wang yang hendak kita tuntut itu bukan tuntut secara terus daripada SPR, SPR macam hendak lepas tangan. SPR panggil orang itu tuntut daripada orang yang buat bantahan. Bagaimana orang awam ini hendak datang ke Pejabat UMNO itu untuk datang ambil balik RM100 itu? Tidak mungkin. Perkara ini saya pernah bangkit dalam Kamar Khas dan cerita yang panjang lebar diberikan oleh Menteri tetapi malangnya banyak kes yang berlaku".*

Kurang pendedahan daripada pihak media merupakan salah satu cabaran dalam melihat fungsi Kamar Khas. Fokus media yang memberi liputan tentang isu di Dewan Sidang utama selama ini tidak mencerminkan keseluruhan fungsi parlimen yang sedia ada seperti Kamar Khas. Laporan berita mengenai Kamar Khas masih lagi di tahap yang rendah seterusnya menyebabkan nilai informasi Kamar Khas tidak dapat dimaklumkan kepada masyarakat.

Seterusnya, masih ramai dalam kalangan wakil rakyat tidak menyedari kepentingan Kamar Khas dalam menyelesaikan isu kawasan yang berkait dengan kuasa di bawah bidang kerajaan Persekutuan. Malah, Ahli Parlimen bertaraf senior, selain mempunyai jawatan kanan dalam parti dilihat kurang aktif dalam membawa usul ke Kamar Khas. Trend ini memberi gambaran bahawa Kamar Khas hanya digunakan sebaik mungkin oleh anggota Ahli Parlimen biasa dalam membawa usul bagi menyelesaikan masalah kawasan.

#### Cadangan Pembaharuan Kamar Khas

Namun, dalam mendepani cabaran akan datang, adalah penting bagi Parlimen untuk menambah baik prosedur dan fungsi Kamar Khas. Peranan Ahli Parlimen dan fungsi Parlimen itu sendiri telah mengalami perubahan dalam memastikan wakil rakyat mempunyai masa dan ruang yang efektif untuk membawa isu-isu rakyat di Parlimen, termasuk Kamar Khas.

Peranan Kamar Khas bagi memastikan keberkesanan dalam meneruskan masa perbahasan di Dewan Sidang telah dinyatakan oleh Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul ketika menyampaikan ucapan Titah Diraja dalam sesi pembukaan Parlimen ke-14 pada Julai 2019. Kewujudan Kamar Khas dapat memastikan Sidang Dewan untuk membahaskan RUU selain usul mengenai dasar secara spesifik serta menghadkan perbahasan mengenai perkara urus tadbir kerajaan yang hanya melibatkan satu-satu kawasan.<sup>17</sup>

Perjalanan di Kamar Khas adalah lebih komprehensif, selain kurang menimbulkan sebarang tuduhan dan ucapan provokasi berbanding apa yang berlaku di dalam Dewan Sidang. Kebanyakan isu-isu rakyat lebih dibahaskan di Kamar Khas berbanding Dewan Sidang. Hal ini memberi kelebihan kepada perbahasan yang sebenar dalam membahaskan sesebuah perkara yang berkait dengan tugas Ahli Parlimen.

---

17 DRM. 2018. Usul Menjunjung Kasih Titah YDPA. Penyata Rasmi Dewan Rakyat. Bil.3 18(7): 25 -123. Parlimen Keempat Belas Penggal Pertama.

Perbahasan di Kamar Khas telah membantu Ahli Parliment dari segi mendapatkan maklumat dan jawapan Menteri, selain menguatkan lagi peranan semak dan imbang terhadap urus tadbir kerajaan dalam perbahasan di Dewan Sidang. Ahli Parliment Alor Star, Chang Ming Kai telah menggunakan maklumat yang diperolehnya untuk mempersoalkan 30 peratus syarikat yang masih tidak berdaftar dibawah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ketika membahaskan RUU Kewangan 2019:

*"Akan tetapi kalau ikut tinjauan laporan ekonomi ini di antaranya hanya 62 peratus sahaja yang daftar dengan LHDN. Maka hampir 30 lebih peratus tidak daftar dengan LHDN akan tetapi dari jawapan yang saya dapat dari Kamar Khas dari Kementerian adalah terdapat hanya ada sebanyak 100,000 syarikat yang sudah daftar dengan SSM akan tetapi tidak daftar dengan LHDN di mana tidak harus wujudnya kerana setiap syarikat yang daftar dengan SSM khususnya bawah syarikat haruslah ada nombor pencukaian maka inilah sedikit sebanyak sangkut dengan kecekapan dari segi pengutipan cukai".<sup>18</sup>*

Justeru, tidak tepat sekiranya melihat peranan Ahli Parliment unutuk hadir di Dewan Sidang utama sahaja. Peranan mereka mengambil bahagian dalam membawa dan membahaskan usul di Kamar Khas masih tidak diketahui dengan jelas oleh rakyat, walhal perkara ini juga penting kerana ia merupakan sebahagian pembaharuan Parliment. Menyedari jurang kefahaman rakyat dan pemimpin tentang pembaharuan di Parliment, maka usaha menambah baik fungsi Parliment seperti Kamar Khas adalah amat penting. Terdapat beberapa cadangan untuk menambah baik peranan Kamar Khas, antaranya:

*Cadangan 1: Pindaan PM17 Untuk Menggalakan Perbahasan Usul*

- a. PM17 (3) memerlukan pindaan untuk membenarkan Kamar Khas bagi membahaskan lebih daripada dua usul. Menambah usul Kamar Khas adalah bermaksud memberi ruang kepada Ahli Parliment membawa usul PM17. Pindaan kepada PM17 (4) juga perlu dilakukan bagi membenarkan Ahli Parliment membuat pencelahan ketika Menteri atau Timbalan Menteri membuat ucapan.
- b. Manakala, dari segi kawalan masa, YPDR atau pengerusi Kamar Khas boleh menghadkan masa menjawab usul bagi Menteri atau Timbalan Menteri dalam tempoh 5 minit, membaca usul 5 minit dan pencelahan/perbahasan 5 minit, seterusnya menjadikan satu usul PM17 mengambil masa 15 minit. Hal ini membolehkan sekurang-kurangnya empat usul PM17 dibahaskan dalam Kamar Khas dalam sehari.

---

18 DRM. 2019. Perbahasan Rang UUU Kewangan 2019. Penyata Rasmi Dewan Rakyat. 2(12): 133-155. Parliment Keempat Belas Penggal Kedua.

*Cadangan 2: Menggalakan Perbahasan Usul PM18 Kamar Khas*

- a. Pindaan kepada PM18 dapat memperluaskan lagi peluang kepada ahli parlimen membawa isu-isu yang mempunyai kepentingan orang awam di Kamar Khas. Secara umum, PM18 (5) yang menjelaskan bahawa usul PM18 tidak boleh dibahaskan lebih daripada satu usul adalah perlu dipinda. Peraturan ini dilihat tidak munasabah sedangkan isu-isu berkepentingan terhadap orang ramai kian meningkat.
- b. Parlimen juga boleh mempertimbangkan bagi memansuhkan PM18 (7) (a) iaitu membenarkan YPDR menolak usul PM18 sekiranya Ahli Parlimen hanya mempunyai niat untuk berucap di dalam Majlis Mesyuarat. Perkara ini bertentangan dengan tugas dan kebebasan Ahli Parlimen untuk membangkitkan isu rakyat di Parlimen, khususnya di Kamar Khas.
- c. Begitu juga pindaan kepada PM18 (7)(b) yang menghalang perbahasan usul PM 18 sekiranya sesuatu perkara tersebut telah dijawab dan diambil tindakan oleh kerajaan. Peraturan ini perlu ditambah baik, selain dapat memberi peluang kepada Ahli Parlimen berbahas secara bebas untuk mengetahui atau mempertimbangkan status tindakan kerajaan. Justeru, adalah dicadangkan agar YPDR menggalakkan perbahasan usul PM18, sekurang-kurangnya lebih daripada tiga usul, dengan mengambil kira kepentingan wakil rakyat dalam menjalankan tugas mereka

*Cadangan 3: Menggalakkan Perbahasan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas*

- a. Aturan mesyuarat yang mendahuluikan urusan kerajaan di Dewan Sidang akan menumpukan perbahasan tentang pindaan RUU dan usul yang dibawa oleh kerajaan. Masa yang terhad ini menyebabkan beberapa laporan daripada Agensi dan Suruhanjaya sukar untuk dibahaskan.
- b. Dewan Rakyat telah mewujudkan 11 Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) yang akan menyiasat dan mengeluarkan laporan terhadap sesuatu isu. Kamar Khas boleh menjadi badan untuk membenarkan Ahli Parlimen membahaskan laporan JPK dengan lebih efektif. Amalan ini seperti mana yang dilakukan oleh *Federation Chamber*, Australia yang memberi ruang kepada Ahli Parlimen membahaskan laporan *Select Committee*.

*Cadangan 4: Kenyataan Ahli Parlimen Tentang Isu Kawasan Dan Tertentu Di Kamar Khas (45 minute rule)*

- a. Kamar Khas juga boleh memperuntukkan masa sebanyak 45 minit kepada Ahli Parlimen untuk menyampaikan ucapan tentang isu-isu kawasan di Parlimen masing-masing tanpa perbahasan. Langkah ini memberi peluang kepada Ahli Parlimen untuk membangkitkan isu untuk perhatian Ahli Parlimen dan orang awam untuk mendapatkan informasi atau pandangan tentang sesuatu perkara seperti yang berlaku dalam *Federation Chamber* di Australia. Setiap Ahli Parlimen yang ingin berucap diperuntukkan masa sebanyak 3 minit untuk berucap tentang perkara yang mahu diberi perhatian oleh Ahli Parlimen sama ada isu nasional atau kawasan parlimen.

**Cadangan 5: Memanjangkan Masa Kamar Khas**

- a. Peruntukan masa Kamar Khas perlu distrukturkan semula selain bersidang dalam tempoh yang lebih panjang seperti *Federation Chamber* di Parliment Australia. Prosedur Kamar Khas boleh ditambah dengan pertanyaan tambahan dan usul yang lebih banyak sekiranya waktu Kamar Khas ditambah.
- b. Kamar Khas sebaiknya perlu mempertimbangkan untuk menjalankan dua sesi perbahasan dalam satu hari persidangan Dewan Rakyat. Sesi pagi boleh dimulakan pada jam 10.00 pagi hingga 11.30 pagi, manakala sesi kedua pada jam 2.30 petang sehingga 4.30 petang. Pindaan terhadap PM16 (6) yang menetapkan Kamar Khas bersidang pada jam 2.30 petang sehingga 4.30 petang perlu dipinda untuk memanjangkan sidang Kamar Khas.

**Penutup**

Perubahan untuk memperkuuhkan Kamar Khas akan membuka peluang dan masa kepada Ahli Parliment menjalankan tugas secara efektif. Peruntukan masa yang lebih seimbang kepada Ahli Parliment dalam Kamar Khas dapat melancarkan urusan harian Dewan Sidang yang memfokuskan kepada perbahasan dasar dan RUU. Persoalan timbul apabila peranan Kamar Khas ini masih belum menjadi satu aspek penting dalam memperluasan peranan Parliment untuk membincangkan isu-isu rakyat. Tambahan pula, isu keberkesanan Kamar Khas dalam menyelesaikan isu rakyat masih tidak jelas selain sejauh mana Ahli Parliment pembangkang dan backbenchers dapat melihat kelebihan Kamar Khas pada masa akan datang.

Kajian ini memberi gambaran perkembangan Kamar Khas di Parliment Malaysia yang tidak mengalami sebarang perubahan substantif, namun telah memberi ruang untuk Ahli Parliment membawa isu-isu rakyat, sama ada di peringkat nasional atau kawasan. Oleh itu, cadangan untuk menambah baik Kamar Khas adalah amat penting untuk memastikan Parliment dapat mendepani cabaran menyelesaikan masalah rakyat dan negara yang kian meningkat.

## **About REFSA**

Research for Social Advancement (REFSA) is a progressive, non-profit think tank that promotes social advancement in Malaysia. Since its inception, REFSA has been at the forefront of policy discussions and debates in the important political and socio-economic issues of the nation. Today, our aspiration hasn't changed – we want to power the movement for a just, inclusive and multi-ethnic society.

## **About REFSA Brief**

REFSA Brief is a series of briefs and opinion pieces that aim to analyse pertinent socio-economic issues and encourage discussions in policy issues across the public, private and the third sector.

## Connect with us

-  [refsa.org](http://refsa.org)
-  [twitter.com/inforefsa](https://twitter.com/inforefsa)
-  [facebook.com/refsa](https://facebook.com/refsa)
-  [linkedin.com/company/research-for-social-advancement](https://linkedin.com/company/research-for-social-advancement)

Copyright is held by the author(s) of each article.

All rights reserved.

Cover Photo attribution: This cover has been designed using resources from DotDesign.

The findings, interpretations, and conclusions expressed in this Policy Brief do not necessarily reflect the views of the Management or Board of Trustees of Research for Social Advancement (REFSA). REFSA does not guarantee the accuracy of the data included in this work. The responsibility for the interpretation and use of the material lies with the reader. In no event shall REFSA be liable for damages arising from its use.